

23. Demikianlah tadi usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan, bagi menjamin-masa depan yang lebih cemerlang bagi pekebun-pekebun kecil. Saya menggesa semua pihak supaya bersama-sama menjayakan hasrat dan cita-cita Kerajaan, iaitu mewujudkan masyarakat pekebun kecil yang maju, makmur dan berdikari. Saya juga mendoa kehadiran Allah Subhanahu Wataala, supaya diberi petunjuk kepada setiap pekebun kecil, serta memandu mereka ke arah jalan yang benar, yang boleh membawa mereka kemajuan dan kemakmuran yang berlipatganda lagi.